

Laporan Audit: DAP lapor polis terhadap Khazanah dan KBS
Malaysian Insider
Oct 6 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

DAP membuat laporan polis terhadap pendedahan laporan perbelanjaan oleh Laporan Ketua Audit Negara 2012 berhubung pembayaran artis K-Pop sempena program Hari Belia Negara 2012 dan juga terhadap Khazanah Nasional Berhad.

Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng telah membuat laporan polis berkenaan pada 9.25 pagi semalam di Balai Polis Jinjang.

Dalam laporan polis yang diedar kepada media hari ini, Lip Eng menggesa polis menyiasat pendedahan yang dibuat oleh laporan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang itu sekiranya mengandungi unsur penyelewengan, rasuah, penipuan dan juga jenayah.

"Saya minta pihak polis menyiasat semua dedahan dalam laporan Ketua Audit Negara khususnya dua perkara di atas sama ada unsur-unsur penipuan, rasuah penyelewengan, dan jenayah yang lain telah dilakukan dan sekiranya ada saya minta tangkapan dibuat dengan kadar segera," kata laporan polis berkenaan.

Laporan audit mendapati Kementerian Belia dan Sukan (KBS) membelanjakan RM1.6 juta bagi membawa tiga kumpulan penyanyi K-pop ke Malaysia sempena sambutan Hari Belia menggunakan dana kerajaan dan bukannya penajaan seperti yang didakwa mereka.

Tiga kumpulan K-pop berkenaan adalah U-Kiss, Teen-Top dan Dal Shabet manakala persembahan mereka dibawakan oleh Stadium First Sdn Bhd.

Laporan audit itu turut mendedahkan KBS telah berbelanja melebihi had iaitu RM1.11 juta untuk promosi dan publisiti untuk acara tersebut.

Lip Eng dalam laporan polis berkenaan turut menggesa anggota polis menyiasat penggunaan tanpa had 106 kad kredit American Express untuk kegunaan Pengarah dan Pegawai Eksekutif Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). – 6 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/laporan-audit-dap-lapor-polis-terhadap-khazanah-dan-kbs>